

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2014

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah hutang terkini yang sebenar dan faedah tahunan yang perlu ditanggung oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan bagaimanakah negara akan menjelaskan hutang ini dan bayaran faedah telah terus berakru.

JAWAPAN

uan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah

sebanyak RM36.25 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiada apa-apa hutang atau bayaran faedah yang telah terakru yang perlu ditanggung oleh negara atau Kerajaan Malaysia.

Hanya pinjaman bernilai RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit atau *explicit guarantee* Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang lain.

Setakat ini 1MDB tidak pernah terlepas dari memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh, seperti aset IPP dan aset hartanah strategiknya.